

Keimainkan gaji menteri wajar: PM

Oleh Zamzam Omar

BH 31 DEC 1991

SUBANG, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyifatkan kenaikan gaji menteri adalah wajar dan tidak harus diperbesar-besarkan oleh semua pihak, khususnya pembangkang.

Menurutnya, menteri tidak menikmati kenaikan gaji sejak lebih 10 tahun lalu dan gaji mereka sekarang tidak setanding gaji yang diperolchi oleh eksekutif kanan swasta.

Katanya, kenaikan gaji menteri adalah sejajar dengan tanggungjawab mereka mentadbir seluruh negara, malah ada menteri yang memegang beberapa jawatan tetapi hanya menerima gaji untuk satu kementerian.

Bercakap kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini sekembalinya dari lawatan ke Jepun dan Korea Selatan petang ini, Perdana Menteri berkata:

"Apabila gaji menteri dipotong 10 peratus tidak lama dahulu, tidak apa siapa mengucapkan terima kasih.

"Malah, ada menteri berusia lebih 65 tahun hanya mendapat gaji dan tidak mendapat pencen, juga tidak ada yang mahu bercakap mengenainya."

Menurutnya, ramai pegawai kanan swasta dan juga yang bekerja di badan yang dimiliki oleh kerajaan, memperolehi gaji

sehingga \$25,000 sebulan. Malah ada antara pegawai tinggi swasta yang mendapat gaji tahunan sehingga \$1 juta, yang tidak mungkin dinikmati oleh beliau sendiri.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian sebagai mengulas rasa tidak puas hati parti pembangkang seperti DAP dan Parti Rakyat Malaysia (PRM), mengenai cadangan kenaikan gaji itu. Menurut pembangkang, jika kenaikan gaji menteri dibandingkan gaji menteri Singapura, kerajaan juga harus membuat perbandingan yang sama dalam menaikkan gaji kakitangan perkhidmatan awam.

Cadangan pindaan Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan 1991) dibentangkan oleh Menteri Kehakiman, Syed Hamid Albar, di Dewan Rakyat, 20 Disember lalu.

Mengikut cadangan pindaan akta itu, Perdana Menteri akan mendapat gaji baru \$17,000 sebulan (naik 100 peratus); Timbalan Perdana Menteri \$13,500 (naik 60 peratus); menteri \$11,050; timbalan menteri \$8,000 dan setiausaha Parlimen \$5,250, iaitu masing-masing naik 50 peratus.

Pindaan itu juga membabitkan kenaikan gaji dan elaun Ahli Parlimen, Senator, Ketua Pembangkang, Speaker dan Timbalan Speaker Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pembangkang memang tidak bersetuju dengan langkah kerajaan membayar gaji tinggi kepada pegawai tinggi kerajaan, sedangkan jika iaitu tidak dibuat, kemungkinan ramai yang lari ke sektor swasta.

"Kita menaikkan gaji pegawai tinggi supaya lebih setanding dengan mereka di sektor swasta, namun kenaikan itu masih jauh, misalnya, jurutera kerajaan memperolehi separuh daripada gaji yang diperolehi oleh rakannya di sektor swasta," katanya.

Mengenai penarikan permit Kementerian Dalam Negeri (KDN) ke atas akhbar Minggu Waktu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, akhbar itu hanya tahu mencaci dan mengeluarkan berita yang tidak berguna.

Menurutnya, akhbar sepatutnya berfungsi membantu membangunkan negara dan tidak ada tempat bagi akhbar yang tidak tahu menjalankan tanggungjawab itu di negara ini.

Mengenai pertemuannya dengan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Pairin Kitingan, di Kota Kinabalu, dalam perjalanan pulang ke Kuala Lumpur hari ini, Perdana Menteri berkata: "Ia hanya perjumpaan biasa dan tidak ada perbincangan politik."